

Terserah kepada Petronas untuk putuskan tawaran Saudi Aramco

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed berkata, terserah sepenuhnya kepada Petroliam Nasional Bhd (Petronas) untuk memutuskan sama ada mahu mengambil bahagian dalam tawaran awam permulaan (IPO) Saudi Aramco.

Saudi Aramco dikatakan telah menghubungi beberapa pengeluar minyak utama nasional Asia termasuk Petronas berhubung poten-

si pelaburan utama dalam IPO syarikat tersebut.

"(Ia) bergantung kepada Petronas. Bukan saya (yang akan memutuskannya)," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen semalam.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab soalan sama ada kerajaan mahu melihat Petronas menyertai dalam IPO Saudi Aramco.

Pada 2 Oktober, Petronas ber-

(Ia) bergantung kepada Petronas. Bukan saya (yang akan memutuskannya)."

-Dr Mahathir

kata, ia masih belum menerima sebarang tawaran untuk menjadi pelabur utama berpotensi dalam IPO tersebut. - *Bernama*